

21/04/2002

Ong minta pemimpin MCA akur nasihat PM

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat menggesa semua pemimpin MCA menerima nasihat dan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyelesaikan pergolakan dalam parti berkenaan.

Katanya, nasihat dan formula yang diberikan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Barisan Nasional harus diikuti dan diterima oleh semua pemimpin parti itu.

Sehubungan itu, Ong menjelaskan pembatalan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM), hari ini dibuat dengan penuh keikhlasan dan dengan penuh rasa tanggungjawab setelah mengambil kira nasihat dan pandangan daripada Perdana Menteri.

Ini kerana jika kita meminta nasihat serta pandangan daripada orang lain... apabila apa yang diminta sudah diberikan maka menjadi kewajipan untuk kita menerima nasihat dan saranan itu sejajar dengan sifat ketimuran yang dipegang selama ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pelancaran majalah baru, i Remaja di Institut Media Integratif Malaysia (MIIM) di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn Bhd, Datuk A Kadir Jasin dan Ketua Eksekutif MIIM, Rosnan Shafiei.

Ong mengulas kenyataan Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek yang bersetuju membatalkan EGM parti itu yang sebelum ini mencetuskan kontroversi kerana dikatakan tidak sah.

(END)